Sejarah
Kertas 1
September 2012
1 jam

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

SEJARAH

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu* **A, B, C** *dan* **D.** *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukarkan jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1249/1 © 2012 Hak cipta MPSM Cawangan Negeri Sembilan

1 Apakah kesan pengkhususan pekerjaan dalam masyarakat tamadun awal?

A Perkembangan ilmu

B Pemerintahan beraja

C Peningkatan kemakmuran

D Penyebaran agama

2 Maklumat berikut berkaitan perkembangan ilmu perubatan kerajaan Assyria di Mesopotamia.

Sebanyak 500 jenis ubat-ubatan termasuk herba dan ramuan perubatan dikatalog dan disampelkan.

Mengapakah ilmu perubatan penting dalam tamadun Mesopotamia?

A Menjaga kesihatan tentera

B Mengawal wabak penyakit

C Menjamin kualiti hidup

D Memumiakan mayat

3 Apakah sumbangan besar Dinasti Maurya semasa pemerintahan Maharaja Asoka?

A Perkembangan pendidikan

B Penyebaran agama Buddha

C Pentadbiran demokrasi

D Peningkatan ekonomi

4 Mengapakah sistem tanaman bergilir diamalkan dalam tamadun China?

A Menjimatkan masa

B Meminimumkan kos

C Mengurangkan tenaga kerja

D Mengekalkan kesuburan tanah

1249/1 © 2012 Hak cipta MPSM Cawangan Negeri Sembilan

5 Senarai berikut merujuk kepada kerajaan yang terdapat dalam tamadun awal di Asia Tenggara.

- Kedah Tua
- Srivijaya

Apakah persamaan kedua-dua kerajaan tersebut?

A Mementingkan peluasan kuasa

B Ekonomi berasaskan perdagangan

C Pusat pengajian agama Hindu

D Kawasan pertanian yang luas

6 Gambar berikut adalah sebuah tempat suci untuk upacara angkat sumpah di Palembang.

Inskripsi Telaga Batu

Apakah kepentingan upacara tersebut diadakan?

A Mengakui raja sebagai dewa-raja

B Mempercayai kesaktian raja

C Menjamin kesetiaan pembesar

D Mempercayai kesaktian Telaga Batu

7 Apakah kesan keruntuhan Empangan Maarib di Sabak pada tahun 300 M. kepada masyarakat Semenanjung Tanah Arab?

A Pemerintahan Ratu Balqis

B Permulaan Zaman Jahiliah

C Kemunculan agama Islam

D Keruntuhan kerajaan Arab

[Lihat halaman sebelah

1249/1 © 2012 Hak cipta MPSM Cawangan Negeri Sembilan

8 Apakah persamaan sifat tokoh berikut dalam perjuangan Islam?

- Khadijah binti Khuwailid
- Aisyah binti Abu Bakar
- Ummu Salamah

A Pengorbanan

B Pemurah

C Keberanian

D Kebijaksanaan

9 Apakah faktor penghijrahan orang Islam dari Makkah ke Madinah pada tahun 622 M.?

I Pembentukan ummah di Madinah

II Pelantikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin

III Kesediaan orang Madinah mempertahankan Islam

IV Keselamatan orang Islam Makkah dijamin

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

10 Tindakan berikut dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. semasa memasuki kota Makkah pada tahun 630 M..

- Prinsip aman tanpa kekerasan
- Jaminan keselamatan

Apakah kesan daripada tindakan tersebut?

A Memasuki kota Makkah dengan mudah

B Makkah menjadi pusat perdagangan

C Makkah menjadi pusat pentadbiran Islam

D Masyarakat Ansar berhijrah ke Makkah

11 Mengapakah Saidina Hassan bin Ali menyerahkan kuasa kepada Muawiyah bin Abu Suffian pada tahun 661 M.?

A Melicinkan sistem pentadbiran

B Mengelakkan perpecahan umat Islam

C Menghadapi penentangan daripada golongan Syiah

D Mengukuhkan kedudukan kerajaan Islam

12 Ilmu pengetahuan tersebar ke benua Eropah pada zaman pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiyah melalui

A penulisan

B perdagangan

C perkahwinan

D peperangan

13 Sekiranya anda seorang Syahbandar di Asia Tenggara, apakah tugas utama anda?

A Mengawal keselamatan perairan

B Menguruskan khazanah negara

C Menjadi hakim di pelabuhan

D Mentadbir pelabuhan

14 Maklumat berikut berkaitan zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Acheh telah berusaha menaungi beberapa negeri kecil di Sumatera Utara dan menakluki negeri-negeri di Tanah Melayu

Apakah tujuan Acheh bertindak demikian?

A Menguasai jalan perdagangan di Lautan Hindi

B Mengelakkan agama Kristian berkembang

C Menjadi pusat pentadbiran dunia Islam

D Menghapuskan pengaruh Belanda

[Lihat halaman sebelah

15 Apakah kepentingan konsep daulat dalam institusi Kesultanan Melayu?

A Menjalani upacara pertabalan

B Menjamin keselamatan rakyat

C Mengukuhkan kedudukan sultan

D Memelihara pewarisan taktha

16 Peristiwa berikut berlaku semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Kitab al-Dur al- Manzum (Mutiara Tersusun) karangan Maulana Abu Bakar telah diarak ke balairung istana Melaka.

Apakah kesimpulan daripada peristiwa tersebut?

A Istana sebagai pusat pengajian

B Agama Islam agama rasmi di Melaka

C Kesusasteraan Melayu berkembang pesat

D Ulama penting dalam perkembangan ilmu agama

17 Selepas tahun 1453, jalan darat melalui Timur Tengah sudah tidak selamat bagi pedagang Eropah.

Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

A Ancaman orang Viking dan Magyar

B Berlakunya rusuhan

C Kawasan bencana alam

D Orang Turki menguasai Istanbul

18 Tuan-tuan tanah tidak dapat menjalankan pengeluaran pertanian secara besar-besaran di Eropah sebelum tahun 1761 kerana

A kesukaran mendapatkan buruh

B kaedah baru penanaman belum diperkenalkan

C kelemahan sistem pemilikan tanah

D kekurangan modal

19 Apakah undang-undang yang diperkenalkan oleh British bagi memastikan orang Melayu tidak terlibat dalam perusahaan getah?

A Land Settlement Order

B Enakmen Tanah Padi 1917

C Kanun Tanah Selangor 1891

D Proklamasi III Pelindungan Hak Peribumi

20 British telah membawa masuk pekerja asing terutama dari Selatan India ke Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Apakah tujuan British bertindak demikian?

A Mengimbangi komposisi kaum

B Membantu kerja-kerja pentadbiran

C Mengatasi kekurangan tenaga buruh

D Memajukan sektor perlombongan

21 Jadual berikut menunjukkan kekayaan hasil bumi negara-negara di Asia Tenggara pada abad ke-18.

Negara	Hasil kekayaan
Tanah Melayu	Bijih timah
Indonesia	Bijih timah
Thailand	Bijih timah dan kayu jati

Penjajah Barat menguasai hasil bumi tersebut melalui

A pembukaan perindustrian baru

B pengenalan sistem politik barat

C peluasan pelabuhan entreport

D pemerintah diberi keistimewaan

[Lihat halaman sebelah

22 Tokoh berikut bertanggungjawab memperkenalkan sistem birokrasi Barat di Thailand.

Raja Chulalongkorn

Apakah pembaharuan yang dibawa oleh tokoh tersebut ?

I Memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah

II Membawa masuk tentera dari Belanda

III Memperkenalkan undang-undang Barat

IV Menubuhkan Majlis Penasihat Tertinggi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

23 Apakah faktor berlakunya penentangan penduduk tempatan terhadap kuasa Barat di Negeri-Negeri Melayu pada abad ke-19?

A Penggunaan sistem telegraf

B Pembinaan sistem pengangkutan

C Penjajah campur tangan dalam adat resam

D Penubuhan sistem pendidikan vernakular

24 Antara berikut yang manakah kesan pengenalan sistem pendidikan Inggeris dan vernakular Melayu pada akhir abad ke-19?

A Menerima cara hidup Barat

B Menerima penjajahan British

C Melahirkan golongan intelek Melayu

D Menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia

25 Bagaimanakah orang Itali menyatukan wilayah-wilayah mereka di bawah satu pemerintah pada abad ke-19?

A Menggunakan isu membenci kuasa asing

B Membangkitkan semangat rakyat Prussia

C Menghalau orang Austria dari bumi Itali

D Menyatukan penduduk berbilang kaum

26 Rajah berikut berkaitan dokumen yang menjadi panduan pemerintah untuk mentadbir.

Kerajaan	Panduan
Kerajaan Malaysia	Perlembagaan
Kesultanan Melayu Melaka	**X**

Apakah **X** ?

A Titah perintah raja

B Hukum Kanun Melaka

C Undang-undang adat

D Kanun Laut Melaka

27 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Malayan Union.



Apakah **X** ?

A Majlis Raja-Raja Melayu

B Majlis Tindakan Rakyat

C Majlis Undangan Negeri

D Majlis Perpaduan Kaum

[Lihat halaman sebelah

28 Jadual berikut berkaitan Jawatankuasa Eksekutif yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada Julai 1946.

Jawatankuasa Eksekutif
• Pegawai Kanan British • Pemimpin UMNO • Wakil Raja-Raja Melayu

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

A Menyeragamkan sistem pentadbiran

B Memantapkan perlaksanaan pilihan raya

C Membincangkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu

D Menggubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

29 Maklumat berikut berkaitan sistem pentadbiran yang dilaksanakan dari bulan Januari 1951 hingga Jun 1955.

- Dicetuskan oleh Dato' Onn Ja'afar
- Meniru model negara Kenya dan Rhodesia Utara
- Selaras dengan dasar dekolonisasi

Maklumat tersebut merujuk kepada

A Sistem Ahli

B Sistem birokrasi

C Sistem demokrasi

D Sistem Jemaah Menteri

30 Apakah reaksi Barisan Sosialis di Singapura terhadap cadangan pembentukan Malaysia?

A Menuntut kuasa mengawal hal ehwal imigresen

B Pemberian kuasa autonomi kepada negeri

C Pembahagian kerusi parlimen yang adil

D Meminta diadakan pungutan suara

31 Mengapakah Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan pada 1962?

A Meninjau pendapat rakyat

B Merangka perlembagaan negara

C Menjalankan pilihan raya umum

D Menetapkan tarikh kemerdekaan

32 Mengapakah kerakyatan seseorang warganegara boleh dilucutkan mengikut perlembagaan Malaysia?

A Mengunjungi luar negara melebihi 5 tahun

B Mempunyai kerakyatan negara lain

C Menjatuhkan imej bangsa

D Menetap di negara lain

33 Mengapakah Perlembangan Malaysia dipinda beberapa kali semenjak tahun 1957?

A Membangunkan ekonomi negara

B Mengelakkan tekanan politik

C Melindungi kepentingan rakyat

D Melaksanakan arahan ketua negara

34 Di bawah "Undang-undang X", Yang di-Pertuan Agong diberikan kuasa untuk

A melantik jemaah menteri

B mengisytiharkan darurat

C memberi pengampunan

D melucutkan darjah kebesaran

[Lihat halaman sebelah

35 Rajah berikut berkaitan konsep pengasingan kuasa dalam sistem Kerajaan Persekutuan di Malaysia.

Mengapakah konsep tersebut diwujudkan?

A Mengelakkan pembolotan kuasa

B Menjimatkan kos pentadbiran negara

C Mewujudkan integrasi nasional

D Mengekalkan kemerdekaan

36 Apakah matlamat penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956?

A Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar

B Membantu memasarkan hasil pertanian

C Memajukan industri kecil dan sederhana

D Menyusun semula masyarakat mengikut kaum

37 Apakah faedah penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1977?

A Memupuk jati diri orang Melayu

B Memperkukuh perpaduan Melayu

C Melaksanakan dasar kebudayaan kebangsaan

D Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

38 Apakah kesan kewujudan Pakatan Bertiga dan Perikatan Kuasa Tengah di Eropah menjelang awal abad ke -20?

A Menyekat pengaruh komunis

B Memupuk perpaduan dunia

C Memulakan persaingan kuasa

D Menganjurkan rundingan damai

39 Apakah yang menentukan kejayaan konsep ASEAN + 3?

A Sumber kewangan yang mencukupi

B Kemajuan dalam bidang pendidikan

C Pembentukan kawasan bebas cukai

D Kerjasama dengan negara maju di Timur

40 Antara berikut, apakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat k-masyarakat?

I Mengubahsuai kurikulum

II Meningkatkan taraf hidup rakyat

III Melengkapkan kemudahan asas

IV Menubuhkan sekolah wawasan

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT